

# Laman web propertrack.com bantu warga Edinburgh kenali Malaysia My Second Home

Walaupun jarak yang jauh di antara bandaraya Kuala Lumpur dan kota Edinburgh, ia tidak menghalang usaha laman web hartanah tempatan, propertrack.com meneroka peluang yang ada di kota yang bergelar, Athens of the North itu dengan memperkenalkan laman web propertrack.com.

Menerusi laman web itu, selain mempromosikan pelbagai hartanah Malaysia, ia turut mengetengahkan potensi terkini pelaburan dalam industri hartanah negara ini.

Ia juga akan mempromosikan mengenai keistimewaan skim persaraan, Malaysia My Second Home (MM2H) di seluruh negara itu.

Pengarah Bersekutu, Asia Move Machine Sdn Bhd, pemilik jenama propertrack.com, Mohd Hisham Saleh, berkata beberapa langkah rangsangan berkaitan industri hartanah dalam pembentangan bajet mini baru-baru ini bakal memberi impak positif kepada pelabur antarabangsa, terutama dari United Kingdom (UK)

Katanya, inisiatif sebegini dijangka menggalakkan minat pelabur dari negara itu untuk cuba memahami secara lebih terperinci mengenai kelebihan pelaburan hartanah di Malaysia.

Dengan adanya laman web terbaru ini, katanya, propertrack.com berharap ia dapat membantu warga UK, terutama warga emas Edinburgh mengenali program Malaysia MM2H yang dijenamakan kembali baru-baru ini.

"Buat masa ini, pusat pemasaran hartanah kami di Jalan Pinang mendapat lebih kurang 20 hingga 25 pertanyaan dari luar negara berkaitan perkara itu (MM2H). Kami menjangkakan peningkatan ini akan berterusan, terutama berkaitan peluang untuk mendapat status penduduk tetap, sekiranya warga asing berkecukupan tinggi dan berkemahiran, melabur lebih daripada AS\$2 juta di Malaysia.

"Kita sekarang berada dalam industri pasaran hartanah global dan dengan adanya penerbangan tambang murah ke luar negara, pelaburan hartanah di Malaysia kini tiada lagi sempadan. Adalah masa paling sesuai untuk memperkenalkan Malaysia di mata dunia, terutama melalui program MM2H," katanya.

Mohd Hisham berkata, bagi memudahkan segala urusan dan bantuan untuk pelabur di UK, propertrack.com turut membuka pejabat perkhidmatan di Edinburgh, Scotland.

Namun katanya, semua urusan berkaitan masih diseliaikan oleh pusat pemasaran hartanah di Jalan Pinang, Kuala Lumpur.

Beliau menambah, pihaknya melabur lebih RM2 juta sepanjang dua tahun lalu untuk menyelidik dan membangunkan pusat pemasaran hartanah, laman web dan sistem sokongan yang dibina khusus untuk meyokong pasaran hartanah tempatan.

"Kami akan terus berusaha mempelbagaikan perkhidmatan kami pada masa depan. berdasarkan tinjauan sehingga tahun lalu, propertrack.com melihat pelbagai perubahan dari segi kualiti dan demografi pengguna yang datang dari pelbagai negara dan kerakyatan seperti Korea, Jepun, China, Afrika Selatan, Asia Barat, UK dan Ireland," katanya.

## Laman web propertrack.com bantu warga Edinburgh kenali Malaysia My Second Home

**W**ALAU PUN jarak yang jauh di antara bandar raya Kuala Lumpur dan kota Edinburgh, ia tidak menghalang usaha laman web hartanah tempatan, *propertrack.com* meneroka peluang yang ada di kota yang bergelar, 'Athens of the North' itu dengan memperkenalkan laman web *propertrack.com*.

Menerusi laman web itu, selain mempromosikan pelbagai hartanah Malaysia, ia turut mengetengahkan potensi terkini pelaburan dalam industri hartanah negara ini.

Ia juga akan mempromosikan mengenai keistimewaan skim persaraan, Malaysia My Second Home (MM2H) di seluruh negara itu.

Pengarah Bersekutu, Asia Move Machine Sdn Bhd, pemilik jenama *propertrack*.

Mohd Hisham Saleh, berkata beberapa langkah rangsangan berkaitan industri hartanah dalam pembentangan bajet mini baru-baru bakal memberi impak positif kepada pelabur antarabangsa, terutama dari United Kingdom (UK).

Katanya, inisiatif sebegini dijangka menggalakkan minat pelabur dari negara itu untuk cuba memahami secara lebih terperinci mengenai kelebihan pelaburan hartanah di Malaysia.

Dengan adanya laman web terbaru ini, katanya, *propertrack.com* berharap ia dapat membantu warga UK, terutama warga emas Edinburgh mengenali program Malaysia MM2H yang dijenamakan kembali baru-baru ini.

"Buat masa ini, pusat pemasaran hartanah kami di Jalan Pinang menda-

pat lebih kurang 20 hingga 25 pertanyaan dari luar negara berkaitan perkara itu (MM2H). Kami menjangkakan peningkatan ini akan berterusan, terutama berkaitan peluang untuk mendapat status penduduk tetap, sekiranya warga asing berkelayakan tinggi dan berkemahiran, melabur lebih daripada AS\$2 juta di Malaysia.

"Kita sekarang berada dalam industri pasaran hartanah global dan dengan adanya penerbangan tambang murah ke luar negara, pelaburan hartanah di Malaysia kini tiada lagi sempadan. Adalah masa paling sesuai untuk memperkenalkan Malaysia di mata dunia, terutama melalui program MM2H," katanya.

Mohd Hisham berkata, bagi memudahkan segala urusan dan bantuan untuk

pelabur di UK, *propertrack.com* turut membuka pejabat perkhidmatan di Edinburgh, Scotland.

Namun, katanya, semua urusan berkaitan masih diselakan oleh pusat pemasaran hartanah di Jalan Pinang, Kuala Lumpur.

Beliau menambah, pihaknya melabur lebih RM2 juta sepanjang dua tahun lalu untuk menyelidik dan membangunkan pusat pemasaran hartanah, laman web dan sistem sokongan yang dibina khusus untuk menyokong pasaran hartanah tempatan.

"Kami akan terus berusaha mempelbagaikan perkhidmatan kami pada masa depan. Berdasarkan tinjauan sehingga tahun lalu, *propertrack.com* melihat pelbagai perubahan dari segi kualiti dan demografi pengguna yang datang dari pelbagai negara dan kerakyatan seperti Korea, Jepun, China, Afrika Selatan, Asia Barat, UK dan Ireland," katanya.